

Booking System University

Sistem Tempahan Universiti




UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA


Pejabat
Pembangunan
Infrastruktur
dan Infostruktur

Booking System Universiti (BSU) merupakan satu inisiatif untuk **mengautomatiskan proses kerja pengurusan tempahan** yang diuruskan oleh Bahagian Pentadbiran sesuatu PTJ selama ini secara manual.

Hasil inisiatif ini memudahkan staf UiTM khususnya dan para pelajar amnya untuk membuat proses tempahan dengan lebih mudah, cepat dan boleh diakses dari mana-mana talian internet pada bila-bila masa.



MODUL SISTEM TEMPAHAN UNIVERSITI



- Berfungsi dalam pengurusan **tempahan ruang** seperti makmal, bilik kuliah, bilik mesyuarat dan lain-lain.
- Tempahan boleh dibuat secara dalaman atau dibuka merentasi PTJ.


- Merekodkan dan memantau **inventori peralatan PTJ**
- Membolehkan permohonan peralatan dibuat untuk kegunaan aktiviti PTJ.
- Merangkumi 2 kategori tempahan iaitu **pinjaman peralatan** atau **permohonan barang inventori**.

- Menguruskan **tempahan makan/minum untuk aktiviti PTJ** kepada Bahagian Pentadbiran.
- Merekodkan maklumat aktiviti, bilangan peserta dan lain-lain sebelum berurusan dengan pihak katering.

- **Merekodkan dan memantau inventori lesen perisian** yang dibeli secara berpusat oleh Jabatan Infostruktur.
- Membolehkan warga UiTM membuat permohonan perisian berpusat untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran serta pentadbiran.

- Merekod permohonan **tempahan kenderaan** yang akan disalurkan terus ke Unit Kenderaan.
- Permohonan tempahan dan status kelulusan kenderaan UiTM boleh diakses secara dalam talian.

Proses permohonan penggunaan Sistem BSU adalah seperti berikut:



Nota:

Tetapan Umum kepada pengguna Sistem BSU tertakluk kepada pengguna di PTJ masing-masing.

Warga UiTM hanya dibolehkan untuk membuat sebarang tempahan merentasi jabatan jika pihak PTJ berkenaan memberi kebenaran.

URL boleh dirujuk melalui pautan berikut:
<https://bsu.uitm.edu.my>
atau

Sila imbas untuk mengakses Sistem Tempahan Universiti



Bahagian Operasi ICT, Jabatan Infostruktur, PPII
Tingkat 5, Menara Sultan Abdul Aziz Shah (SAAS)
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor

e-Mail : syamsudin@uitm.edu.my
Tel. : 03-5521 1364
Faks : 03-5544 2197

